

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Kekangan kewangan, data sukarkan syarikat kecil bersaing

Kekangan kewangan, data sukarkan syarikat kecil bersaing

Kerajaan sedia data granular bantu atasi isu monopoli firma teknologi

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kekangan kewangan dan kemudahan data menyebabkan banyak syarikat kecil dan sederhana, termasuk pemula niaga dalam bidang teknologi tidak dapat meningkatkan kapasiti perniagaan.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kekangan ini menyebabkan syarikat terbabit tidak boleh bersaing dengan syarikat besar, sekali gus mewujudkan sistem monopoli seperti yang berlaku ketika ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, syarikat teknologi memerlukan pelaburan besar, terutama dalam pengiklanan dan data.



Rafizi (tengah) selepas melancarkan UK Malaysia Digital Innovation Programme Day di Petaling Jaya, semalam.

"Walaupun syarikat pemula niaga itu mempunyai produk yang baik, disebabkan kurang modal mereka tidak dapat berkembang."

"Hanya syarikat besar dapat berkembang dan menguasai pasaran seperti berlaku ketika ini yang dipanggil sebagai monopoli," katanya selepas melancarkan UK Malaysia Digital Innovation Programme Day di Petaling Jaya, semalam.

Rafizi berkata, kerajaan tidak boleh mencampuri urusan perniagaan syarikat teknologi, termasuk pemberian modal kerja kerana ia bukan amalan yang baik.

Bantu syarikat pemula

Beliau berkata, langkah yang boleh diambil kerajaan ketika ini dalam membantu peningkatan syarikat pemula niaga teknologi dan menangani isu monopoli adalah

menyediakan data granular.

Katanya, langkah ini menyediakan data granular kepada syarikat pemula niaga tanpa membebani mereka dengan perbelanjaan kewangan yang besar.

"Itu meluaskan lagi jumlah syarikat pemula yang boleh membangun aplikasi mereka dari satu peringkat ke satu peringkat tanpa bergantung kepada suntikan dana besar dalam memperoleh data.

"Ja berbeza daripada model sebelum ini apabila kerajaan tidak berkongsi data dengan masyarakat.

"Isu monopoli juga sebahagian besar berkait dengan keupayaan kewangan," katanya.

Rafizi berkata, Kementerian Ekonomi juga akan memperkenalkan siri program Hackathon Kebangsaan yang akan membantu peningkatan inovasi di Malaysia.

Beliau berkata, program pertama kali diperkenalkan itu meningkatkan inovasi dan teknologi di Malaysia dengan menyasarkan semua golongan.

Katanya, kementerian juga mulakan satu langkah penting dalam dasar asas teknologi iaitu memperkenalkan platform data terbuka.

"Kerajaan termasuk kementerian dan agensi akan mengumpulkan sumber data mereka ke platform pusat yang boleh membolehkan sesiapa sahaja memperoleh cerapan masa nyata daripada keadaan trafik, bilangan rumah di sesuatu kawasan, sifahan suhu dan hujan, volum perdagangan antara bangsa dan sebagainya," katanya.